

# Lawatan Perdana Menteri ke AS dijangka tingkatkan hubungan dua hala

KUALA LUMPUR 3 Mei — Lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat mulai 13 Mei hingga 15 Mei ini dijangka dapat meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, pertemuan Perdana Menteri dengan Presiden George W. Bush juga memberi peluang kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

"Pertemuan itu *menyen-tuh* pelbagai isu sesuai dengan perkembangan semasa yang menarik minat du-

nia seperti isu Palestin dan langkah-langkah *memban-teras* keganasan," katanya selepas merasmikan pameran 'Mahligai Rohani Islam' di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Duta Amerika Syarikat ke Malaysia Marie T. Huhtala.

Syed Hamid berkata, sempena lawatan itu juga Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan beberapa tokoh lain termasuk Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell, Penasihat Keselamatan Condoleeza Rice dan Pengerusi Rizab Persekutuan, Alan Greenspan.

Perdana Menteri juga ka-

tanya akan mengadakan dialog dengan ahli-ahli perniagaan negara itu. Syed Hamid berkata, perbincangan itu akan *membe-ri* banyak manfaat kepada negara dalam konteks politik, ekonomi dan sosial *ser-ta* hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Ini kerana hubungan ekonomi dan pelaburan *an-tara* Amerika dan Malaysia kini cukup baik," katanya.

Malaysia, juga kata beliau akan menggunakan pertemuan itu sebagai peluang untuk menyampaikan pandangan negara-negara membangun selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi Sidang Ke-

muncak Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM). Menjawab satu soalan, beliau berkata, Malaysia bersedia menerima apa juga keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang dijangka bersidang bulan depan berhubung tuntutan bertindih ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dan Indonesia.

ICJ telah menolak permohonan Filipina untuk mencelah dalam isu tuntutan tersebut dan kini tuntutan ke atas kedua-dua pulau yang terkenal sebagai destinasi pelancongan itu hanya membabitkan Malaysia dan Indonesia.